

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah model terbaik bagi mengangkat martabat golongan B40 di Wilayah Persekutuan, model Yayasan Wilayah Persekutuan ataupun mekanisme langsung menerusi Kerajaan Persekutuan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Setiawangsa, pelaksanaan program mengangkat martabat golongan B40 di Wilayah Persekutuan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) merupakan tunggak kedua di bawah RMKe-11 iaitu Memperkukuhkan Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat. Salah satu strategi yang digariskan di bawah tunggak berkenaan adalah untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40.

SOALAN NO : 7

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, program dan aktiviti untuk golongan B40 di Wilayah Persekutuan dilaksanakan samada secara langsung oleh KWP, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ataupun melalui kerjasama dengan pihak-pihak yang tidak berada di bawah kawalan KWP seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGOs), Yayasan-Yayasan Kebajikan yang berdaftar dan termasuk juga Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Semua pihak yang saya sebutkan tadi sentiasa bekerjasama dan saling melengkapi ke arah pencapaian objektif untuk mengangkat martabat golongan B40 di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Selari dengan slogan 'Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi', KWP telah memperkenalkan Inisiatif Wilayah Peduli yang mengandungi elemen-elemen kesejahteraan dan kebajikan untuk golongan B40. Sebahagian besar daripada Inisiatif Wilayah Peduli ini, mensasarkan golongan berpendapatan rendah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) DBKL, golongan remaja, ibu tunggal, belia dan juga gelandangan.

Selain itu, KWP dan DBKL juga turut melaksanakan Program Pemerksaan Ekonomi Bumiputera serta Program Keusahawanan Belia dan Wanita bagi memastikan penyertaan dan kepentingan semua golongan di Wilayah Persekutuan khususnya golongan B40 dalam bidang ekonomi adalah seimbang, berdaya saing dan mampan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat secara *direct* model mana yang terbaik, kesimpulannya model terbaik adalah model yang menggunakan semua saluran yang ada, kerana ianya bukan merupakan satu yang *mutually exclusive* iaitu tak perlu kita memilih pendekatan ini dan menolak pendekatan itu, kita boleh gunakan kesemua pendekatan dan saluran yang wujud.

Terima kasih.